



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(124)
Tarikh: 08 SEPTEMBER 2023

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

JEMPUTAN MENGHADIRI HARI IBU BAPA DAN MAJLIS PENYERAHAN PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Pihak sekolah akan mengadakan Hari Ibu Bapa dan Majlis Penyerahan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Semester 1 sesi 2023/2024 pada **15 September 2023 (Jumaat)**. Diharapkan ibu bapa dapat mengetahui dan memahami perkembangan pembelajaran anak tuan/puan berdasarkan pelaporan ini.

02. Disebabkan hari tersebut adalah hari persekolahan, semua murid adalah **WAJIB** bersekolah seperti biasa. Murid yang tidak hadir tanpa sebab dianggap Ponteng Sekolah. Ibu bapa / penjaga boleh membawa anak balik ke rumah selepas menerima pelaporan PBD. Diminta para ibu bapa / penjaga datang ke sekolah pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti berikut:

Tarikh	Aktiviti	Tahun	Tempat	Masa
15/09/2023 (Jumaat)	*Hari Ibu Bapa*	Tahun 1	Kelas DLC (Sebelah Kelas 1 Xiao)	9:30 pagi hingga 12:30 petang
	Penyerahan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	Tahun 2 Tahun 5	Dewan Mini Serbaguna	
		Tahun 3 Tahun 4 Tahun 6	Dewan Besar Sekolah	

03. **Demi menjaga keselamatan murid dan memastikan kelancaran pelaksanaan program Hari Ibu Bapa, diminta para ibu bapa / penjaga ambil perhatian:**

- (A) Sekiranya ibu bapa mempunyai urusan dan tidak dapat hadir ke sekolah untuk menerima pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) anak, ibu bapa boleh mewakilkan orang yang bersesuaian dan dipercayai untuk menerima pelaporan tersebut. Ibu bapa hendaklah memaklumkan kepada guru kelas sama ada akan hadir sendiri atau mewakilkan wakil sebelum **13 September 2023 (Rabu)**.

* **Jika** ibu bapa ingin mewakilkan wakil, boleh memaklumkan secara bertulis (Surat Turun Kuasa) atau menghubungi guru kelas dengan memberikan maklumat wakil yang lengkap dengan nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon bimbit dan hubungan dengan anak tuan / puan.

* **Jika** ibu bapa tidak dapat wakil yang sesuai, ibu bapa mesti maklum kepada guru kelas. Guru kelas akan menyerahkan pelaporan PBD anak tuan / puan pada hari persekolahan (Hari Isnin) yang seterusnya.

- (B) Semasa menerima pelaporan PBD anak daripada **guru kelas**, ibu bapa / penjaga mesti isikan maklumat yang diperlukan dengan lengkap. Selepas itu, tuan/puan boleh pergi ke kelas untuk membawa anak pulang bersama. Demi memastikan keselamatan murid dijaga, ibu bapa / penjaga perlu berikan maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon kepada **guru yang bertugas** di kelas sebelum mengambil anak di kelas masing-masing.
- (C) Sekiranya ibu bapa / penjaga masih belum menyelesaikan pembayaran semester 1, diharapkan dapat menjelaskan bayaran pada hari tersebut kepada guru kelas.

04. **PERINGATAN MESRA:** Oleh kerana ruangan di kawasan sekolah adalah **TERHAD**. Pihak sekolah amat berharap para ibu bapa / penjaga dapat memberikan kerjasama yang padu, bersabar dan bertolak ansur serta mematuhi arahan pihak sekolah agar pelaksanaan program Hari Ibu Bapa dapat berlangsung dengan lancar dan juga dapat merealisasikan matlamat KPM: **“Sekolahku SEJAHTERA”**.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.